

13 AUG 1998

TOFFLER-MSC/I

TOFFLER: BIJAK BAGI M'SIA TERUSKAN PROJEK MSC

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Alvin Toffler, salah seorang anggota panel penasihat Koridor Raya Multimedia (MSC), berkata adalah bijak bagi Malaysia untuk meneruskan projek MSC walaupun berlaku kegawatan ekonomi sekarang.

Toffler turut percaya bahawa projek-projek besar-besaran lain patut ditangguhkan tetapi projek MSC patut diberikan keutamaan terpenting.

"Isu itu bukan semata-mata untuk membina sebuah koridor teknologi maklumat tetapi untuk menyediakan seluruh negara bagi satu jenis ekonomi yang berasaskan kepada ilmu dan maklumat," beliau memberitahu pemberita selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Toffler, yang berada di sini untuk meninjau dengan lebih dekat perkembangan terbaru projek itu, akan berlepas ke Kuching kemudian untuk menghadiri satu persidangan.

Beliau berkata negara-negara yang tidak turut serta di dalam perkembangan global ini akan mendapati diri mereka tersekat terus daripada ekonomi dunia.

Toffler memuji MSC kerana mempunyai rangka kerja pembangunan yang luas, yang termasuk bukan sahaja teknologi tetapi juga komponen-komponen undang-undang, pendidikan dan kebudayaan.

Beliau mengakui bahawa adalah jelas bahawa syarikat-syarikat akan berfikir dua kali untuk menyertai di dalam MSC kerana kegawatan kewangan di Asia kini.

"Tetapi kejatuhan nilai matawang menjadikannya lebih mahal untuk syarikat-syarikat asing menyertai projek itu dan mungkin ada cara untuk mengambil kesempatan daripada keadaan itu," tambah beliau.

Mengulas mengenai kekacauan politik dan sosial di rantau ini berikutan kesukaran ekonomi, Toffler berkata salah satu sumbangan besar Malaysia adalah untuk mengelak berlaku kekacauan berkaitan etnik sejak 1969.

Katanya Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), yang memberikan berbilion-bilion bantuan kewangan kepada negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, bertanggung jawab terhadap kekacauan seumpama itu.

Toffler berkata IMF telah dikritik teruk kerana kegagalannya dan ia telah mulai mengubah dasar-dasarnya sedikit.

Manyifatkan IMF sebagai "sebuah institusi tidak begitu disenangi", beliau berkata bahawa kritikan terhadap IMF adalah juga lantang di Amerika Syarikat kerana ia dilihat sebagai alat dasar Amerika.

Bagaimanapun, Toffler yakin bahawa Asia akan teguh semula tetapi beliau mengakui bahawa beliau tidak tahu bila ini akan berlaku.

"Terdapat isu tertentu yang amat penting sekarang, yang di luar kawalan Malaysia, Washington atau sesiapa sahaja, seperti sama ada China akan menilai semula yuan, Jepun terlepas daripada cengkaman kemelesatan ekonomi ataupun mungkinkah Bursa Saham New York jatuh.

"Salah satu daripada keadaan ini mempunyai kesan yang hebat bagi Malaysia dan Asia, secara amnya," tambahnya. -- BERNAMA

MAM YY SHY OS